

Hentikan permainan api perkauman: PM

Oleh Kadir Dikoh

BH 31 AUG 2000

KUALA LUMPUR, Rabu - Sempena ulang tahun ke-43 kemerdekaan negara esok, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merayu kumpulan ekstremis daripada kalangan tertentu orang Melayu dan Cina supaya menghentikan permainan api perkauman.

Perdana Menteri mengingatkan, perbuatan kumpulan Al-Ma'unah dan pendekatan Jawatankuasa Rayuan Pilihanraya Persatuan-Persatuan Cina (Suqui) baru-baru ini, akan mero-

sakkan hubungan baik antara kaum yang diusahakan kerajaan.

"Jika akhbar Cina yang suka menimbulkan perasaan tersalah di kalangan orang Cina yang sederhana dan laman-laman fitnah dalam Internet yang diusahakan oleh orang Melayu berjaya mempengaruhi kedua-dua kaum ini, maka kerjasama kaum akan diganti dengan konfrontasi yang akan menggugat kestabilan dan keamanan negara.

"Saya ingin merayu kepada puak ekstremis ini daripada kedua-dua kaum supaya menghentikan bermain dengan api perkauman," katanya menyampaikan perutusan sempena sambutan Hari Kemerdekaan ke-43, yang disiarkan secara langsung oleh RTM malam ini.

Dr Mahathir berkata, kerana ter-nampak seolah-olah kerajaan diketuai orang Melayu sudah menjadi lemah, puak ekstremis Cina yang

memang pun tidak senang hati dengan kerjasama pelbagai kaum di negara ini, sudah mula menyakitkan hati orang Melayu dengan membuat tuntutan bukan-bukan.

Tindakan mereka, tegas Perdana Menteri, tidak banyak berbeza dengan tindakan komunis dulu, yang hendak menghapuskan sama sekali kedudukan istimewa orang Melayu di Malaysia.

"Dari segi pendekatannya, Suqui

adalah sama dengan Al-Ma'unah, iaitu cuba menyakitkan hati orang tertentu supaya perasaan perkauman dihidupkan semula," katanya.

Beliau berkata, kerajaan bertanggungjawab terhadap keselamatan dan kemajuan negara ini serta akan terus memerintah mengikut undang-undang dan lunas-lunas demokrasi yang membolehkan rakyat memilih

LIHAT MUKA 2

'Kita tidak akan tunduk kepada tekanan asing'

DARI MUKA 1

kerajaan berasaskan penilaian mengenai kebolehan parti bertanding.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan akan melawan habis-habisan penyalahgunaan agama bercampur fitnah untuk membangkitkan kebencian sebagai cara memancing undi.

"Kita akan memelihara kesucian agama Islam dengan mengembangkan ajaran Islam yang tulen. Kita akan memelihara hak semua kaum seperti termaktub dalam Perlembagaan Negara kita.

"Namun, kita tidak akan tunduk kepada orang asing, agensi-agensi mereka dan media mereka walaupun apa pun tekanan yang ditujukan kepada kita dan negara kita," katanya.

Dalam perutusan itu, beliau turut mengimbau nasib malang rakyat negara ini selama 450 tahun dijajah oleh pelbagai kuasa asing sehingga kepada nikmat yang dikecapi selepas mencapai kemerdekaan baru 43 tahun lalu.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak takut dicemuh oleh media asing dan kuasa besar di dunia apabila keselamatan dan keamanan dalam negara diancam. Malah, kerajaan tahu siapa orang asing itu.

Mereka terbabit secara

langsung dari dulu hingga sekarang dengan jenayah antarabangsa yang meragut nyawa ratusan ribu orang tidak berdosa serta menyalahgunakan kuasa orang lain.

"Sekatan yang dikenakan mereka dan tindakan mengebom sasaran tertentu oleh mereka mencabul hak asasi manusia dengan lebih teruk berbanding tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negara (ISA).

"Lagipun, pertuduhan dalam mahkamah juga tidak akan menghentikan cemuhan mereka. Mereka tetap menuduh kehakiman kita berat sebelah. Sama ada kita guna ISA atau mahkamah adalah hak dan pilihan kita. Kita yang akan menjadi mangsa rusuhan, bukan mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata, kemerdekaan dicapai kerana rakyat bersatu padu tetapi perpaduan yang dicapai ketika menuntut kemerdekaan sudah hampir hancur kerana sesetengah pihak menganggap parti sebagai pemisah antara sesama sendiri.

"Hari ini kita menjadi lemah kerana hakisan sokongan orang Melayu kepada kerajaan. Percayalah jika pertolongan orang asing diminta, akhirnya negara akan tergedai.

"Orang asing memang gemar melihat perpecahan

BH 3 1 AUG 2000

di kalangan orang Melayu dan rusuhan sesama kita. Kempen membenci kerajaan yang diusahakan pihak tertentu sudah sampai kepada tahap kesanggupan mencuba menjatuhkan kerajaan secara ganas dan bersenjata.

"Kali ini percubaan itu gagal. Tetapi jika kempen membenci diteruskan, terutama dengan menyalah tafsir agama untuk meningkatkan lagi kebencian, akhirnya akan berakulah percubaan secara besar-besaran," katanya.

Beliau berkata, golongan itu mungkin percaya mencapai kejayaan dengan cara seumpamanya tetapi yang tetap berlaku ialah huru-hara berpanjangan dan perpecahan di kalangan orang Melayu yang melumpuhkan mereka sama sekali.

Hasrat orang asing yang berpura-pura menyokong pihak tertentu, termasuk ekstremis Islam menyeleweng, bertujuan menentukan huru-hara berkekalan supaya negara tidak lagi bebas, kuat dan berjaya, manakala 'kerajaan baru' akan menjadi boneka asing.

Katanya, jika urusan ekonomi negara diserahkan kepada kuasa asing, mereka akan menamatkan usaha kerajaan untuk mengimbangkan ekonomi antara kaum yang sedang

diusahakan.

Hak istimewa orang Melayu akan dihapuskan kerana ia bertentangan dengan pendapat mereka dan menghalang pemilihan perniagaan 100 peratus oleh mereka. Mereka akan mengambil alih semua bank dan perusahaan/perniagaan di negara ini.

"Kita akan menjadi pekerja mereka sahaja tanpa hak bersuara dalam urusan perniagaan atau ekonomi. Akhirnya, politik kita juga akan dikuasai oleh mereka.

"Kali ini kita berjaya menewaskan percubaan mereka. Kita berjaya kerana kerajaan kita kuat dan disokong oleh majoriti terbesar rakyat. Kita berjaya kerana rakyat tidak bertindak ganas semasa kegawatan berlaku. Tetapi ini tidak bermakna, mereka tidak akan mencuba lagi," katanya.

Dr Mahathir sedih kerana sebahagian rakyat tidak langsung bersyukur bahawa negara ini terus bebas dan ekonominya dapat dipulihkan dengan baik.

"Ramai daripada golongan itu adalah orang Melayu, iaitu mereka yang beragama Islam dan lupa akan janji Allah bahawa orang yang tidak bersyukur tidak akan menerima nikmat lagi serta balasan Tuhan terhadap mereka adalah amat pedih," katanya.